



LRT Laluan Mutiara

catat kemajuan ketara

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
 Gambar : **SIEW CHIA EN & ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

GEORGE TOWN - Kerja-kerja pembinaan Stesen Bandar Sri Pinang dan Stesen Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) bagi Projek Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Mutiara kini menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, kedua-dua tapak berkenaan mencatatkan perkembangan paling ketara sejak majlis pecah tanah projek tersebut di Bandar Sri Pinang pada Januari tahun lalu.

Menurut beliau, kemajuan yang dicapai membolehkan orang ramai melihat gambaran sebenar reka bentuk stesen-stesen LRT Laluan Mutiara dalam tempoh terdekat.

“Saya dimaklumkan bahawa tiang serta struktur untuk Stesen LTAPP kini sedang dalam pembinaan dengan lima tiang jejambat telah siap dibentuk.

“Bagi Stesen Bandar Sri Pinang pula, kemajuannya lebih ke hadapan apabila kerja-kerja asas serta pembinaan kolom stesen telah siap dilaksanakan, dan projek kini memasuki fasa pembinaan struktur utama stesen.

“Setelah kira-kira 18 bulan berlalu, kemajuan yang dicapai amat memberangsangkan dengan enam tiang jejambat berjaya disiapkan bagi membolehkan pelaksanaan fasa



KETUA Menteri dan Zairil Khir Johari (lima dari kanan) bergambar bersama-sama barisan pelaksana Projek LRT Laluan Mutiara berlatarbelakangkan tapak pembinaan di Bandar Sri Pinang sempena lawatan tapak yang diadakan pada Jun lalu di sini.

pembinaan seterusnya diteruskan,” katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui selepas mengadakan lawatan ke kedua-dua tapak projek berkenaan di sini 6 Jun lalu.

Turut hadir, Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari; Pengarah Projek MRT Mutiara, Azmi Abd. Rahman; Penasihat SRS Consortium, Datuk Seri Dr. Ooi Eng Hock serta Pengarah Projek SRS

Consortium bagi Projek LRT Laluan Mutiara, Adil Putra Ahmad.

Terdahulu, Kon Yeow turut diberikan taklimat oleh SRS Consortium selaku Kontraktor Utama Kerja Awam 1 (CMC1) bagi projek berkenaan.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan bahawa komponen *crosshead* dijangka tiba di tapak pembinaan Stesen Bandar Sri Pinang

dalam masa terdekat bagi menyokong pelaksanaan fasa pembinaan seterusnya.

Menyentuh mengenai kepentingan stesen tersebut, Kon Yeow berkata, Stesen Bandar Sri Pinang berada di lokasi strategik dan dijangka menjadi antara hab tumpuan sepanjang jajaran LRT Laluan Mutiara.

• Sambungan di muka 2.

Demi masa depan

• Sambungan dari muka 1.

“Lokasinya terletak di kawasan perbandaran pesisir pantai yang padat dengan pembangunan kediaman bertingkat tinggi serta berhampiran Persiaran Karpal Singh yang menjadi zon gaya hidup, komersial serta makanan dan minuman.

“Stesen ini juga akan dilengkapi akses keluar masuk di kedua-dua belah Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu bagi menghubungkan kawasan kediaman dan pusat aktiviti ekonomi di sekitarnya,” ujarnya.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata Stesen LTAPP bakal memainkan peranan penting sebagai pintu masuk antarabangsa ke Pulau Pinang apabila siap kelak.

Menurutnya, stesen tersebut akan dilengkapi jambatan penghubung ke terminal baharu lapangan terbang dan menyediakan sambungan terus ke

beberapa destinasi utama termasuk Zon Perindustrian Bebas (FIZ) Bayan Lepas, Komtar serta Penang Sentral di Butterworth.

“Peranan stesen ini amat penting dalam menyokong sektor pelancongan, perjalanan perniagaan, pelaburan serta hubungan global negeri ini,” ulasnya lanjut.

Pada masa sama, Kon Yeow mengingatkan orang ramai supaya bersedia menghadapi sedikit kesulitan lalu lintas apabila Projek LRT Laluan Mutiara memasuki fasa pembinaan yang lebih aktif pada separuh kedua tahun ini.

Beliau berkata, ketika ini kerja-kerja pembinaan tiang jejambat sedang giat dijalankan di 14 lokasi sepanjang jajaran projek termasuk di Permatang Damar Laut, Gelugor, SPICE, Jelutong Timur, Macallum dan kawasan



KETUA Menteri menunjukkan lakaran artistik Stesen LRT Laluan Mutiara Bandar Sri Pinang yang menggambarkan wajah baharu sistem pengangkutan awam negeri sebaik projek itu siap kelak.

bersebelahan Cecil Residensi.

“Kita menjangkakan kerja-kerja pembinaan akan menjadi lebih intensif.

“Pelaksanaan Pelan Induk Pengurusan Trafik (TMP) di kawasan FIZ Bayan Lepas serta penutupan lorong secara berperingkat bagi kerja pembinaan sepanjang jajaran 23.7 kilometer dari Komtar hingga ke Pulau Silikon adalah petanda jelas fasa aktif ini.

“Daripada tiga kawasan kritikal yang dikenal pasti, TMP pertama telah mula dilaksanakan di persimpangan Jalan Tengah dan Jalan Sultan Azlan Shah pada awal Mei lalu, manakala dua lagi kawasan kritikal dijadualkan dilaksanakan pada separuh kedua


tahun ini,” jelasnya.

Sehubungan itu, Kon Yeow berharap agar rakyat terus memberikan sokongan terhadap projek infrastruktur strategik yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan itu demi memastikan masa depan Pulau Pinang yang lebih mampan, berdaya saing dan mempunyai sistem pengangkutan awam yang lebih efisien.

“Kerajaan Negeri akan terus memantau pelaksanaan projek ini bagi memastikan pembangunan infrastruktur pengangkutan awam yang strategik tersebut dapat direalisasikan mengikut perancangan demi manfaat rakyat dan masa depan Pulau Pinang,” jelasnya.



KEADAAN semasa di tapak pembangunan projek stesen LRT di Bandar Sri Pinang di sini.



KETIKA mengadakan lawatan tapak di PIA baru-baru ini.



LAKARAN artistik memaparkan reka bentuk Stesen LRT Bandar Sri Pinang yang moden.

MyPenang Manifesto

dipantau secara telus

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri Pulau Pinang menegaskan komitmen tidak berbelah bahagi dalam menunaikan mandat rakyat menerusi pelaksanaan Manifesto Kerajaan Perpaduan Tahun 2023 atau dikenali sebagai 'MyPenang Manifesto'.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, manifesto yang ditawarkan semasa pilihan raya itu kini telah diangkat sebagai pelan tindakan rasmi Kerajaan Negeri demi memastikan agenda pembangunan serta kebajikan rakyat dapat dilaksanakan secara berkesan dan menyeluruh.

Menurut beliau, berdasarkan data sehingga 30 April 2026, sebanyak 30 manifesto atau 60 peratus telah berjaya dilaksanakan.

"Selain itu, sebanyak 17 manifesto lagi atau bersamaan 34 peratus kini dalam pelaksanaan, manakala hanya tiga manifesto atau enam peratus masih belum dilaksanakan.

"Kejayaan mencapai 94 peratus status bagi 'Telah Dilaksanakan' dan 'Dalam Pelaksanaan' membuktikan keberkesanan sinergi serta komitmen barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika ini," katanya pada sidang media di sini 19 Mei lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Jagdeep Singh Deo; Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim; Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo; Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen; Exco Perdagangan dan Perpaduan Masyarakat, Goh Choon Aik serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.

Kon Yeow menegaskan bahawa Kerajaan tidak melihat janji yang terkandung dalam 'MyPenang Manifesto' sebagai retorik politik semata-mata, sebaliknya menganggapnya sebagai kontrak sosial yang perlu diterjemahkan melalui pelaksanaan dasar, pembangunan dan kebajikan yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat.

"Apabila mandat diberikan oleh rakyat, manifesto pilihan raya secara rasmi bertukar menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri yang perlu dipikul dengan penuh amanah," katanya.

Bagi memastikan setiap komitmen dipantau secara telus dan sistematik, beliau berkata, sebuah papan pemuka digital atau *dashboard* 'MyPenang Manifesto' telah dibangunkan hasil kerjasama Pejabat Ketua Menteri, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) dan Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri



KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan plakad prestasi MyPenang Manifesto pada sidang media di sini baru-baru ini.

(BTMKN).

"Melalui inisiatif digital ini, pemantauan data dapat dilakukan secara masa nyata (*real-time*) bagi memastikan setiap agensi pelaksana mencapai sasaran yang ditetapkan.

"Orang ramai serta pihak berkepentingan boleh melayari pautan <https://mypgmanifesto.penang.gov.my> untuk mendapatkan maklumat berkaitan perkembangan pelaksanaan manifesto," ujarnya.

Menurut beliau, penggunaan teknologi melalui *dashboard* tersebut juga membolehkan Kerajaan Negeri memantau kemajuan setiap inisiatif secara lebih berkesan, selain memastikan setiap peruntukan yang dibelanjakan memberi impak kepada kumpulan sasaran.

"Fokus kami kini adalah untuk menggerakkan baki tiga manifesto yang belum bermula, di samping memastikan 17 manifesto yang sedang berjalan dapat disiapkan mengikut jadual.

"Kami tekad untuk memberikan laporan yang telus kepada rakyat kerana akauntabiliti adalah asas kepada pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang," katanya.

Kon Yeow menjelaskan bahawa tiga manifesto yang masih belum dilaksanakan melibatkan penubuhan tabung pembangunan sosial negeri daripada kutipan fi kesihatan perubatan ke atas warga asing bagi membantu golongan memerlukan; pelaksanaan skim perumahan sewa khas untuk golongan belia dan bujang; serta penyediaan pusat upacara *kiringai* di setiap daerah dan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) baharu

di Pulau Pinang.

Mengulas mengenai perkara itu, Zi Sen menjelaskan bahawa pelaksanaan tabung pembangunan sosial negeri yang melibatkan kutipan fi kesihatan perubatan ke atas warga asing masih memerlukan penelitian lanjut berikutan beberapa kekangan termasuk aspek dasar dan bidang kuasa.

"Perkara ini kini sedang disusuli bersama Kementerian Kesihatan (KKM) bagi meneliti kaedah terbaik untuk melaksanakan kutipan fi berkenaan secara menyeluruh dan berkesan.

"Pada masa sama, Kerajaan Negeri turut mengambil kira situasi semasa memandangkan tahun ini bukan sahaja merupakan Tahun Melawat Malaysia, malah turut diangkat sebagai Tahun Pelancongan Perubatan Malaysia.

"Oleh itu, strategi promosi pelancongan perubatan sedang digerakkan pada peringkat kebangsaan dan perlu diselaraskan dengan cadangan kutipan fi tersebut supaya tidak menjejaskan usaha menggalakkan sektor pelancongan perubatan negara.

"Walau bagaimanapun, usaha pembangunan sosial negeri tetap diteruskan tanpa perlu menunggu pelaksanaan kutipan fi kesihatan itu," ujarnya.

Sementara itu, Sundarajoo berkata, Kerajaan Negeri kekal komited untuk memperkenalkan skim perumahan sewa khas bagi golongan belia dan bujang di Pulau Pinang.

Beliau memaklumkan bahawa beberapa projek perumahan sedia ada seperti di Padang Tembak telah menyediakan unit satu bilik yang disewakan kepada golongan bujang.

"Namun begitu, projek khas yang dibina sepenuhnya dengan konsep satu unit satu bilik masih belum dilaksanakan kerana melibatkan faktor kos dan ekonomi pembangunan.

"Sebagai langkah ke hadapan, Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan konsep perkongsian rumah, iaitu unit rumah yang mempunyai tiga bilik boleh didiami oleh tiga individu bujang secara bersama bagi menyediakan pilihan kediaman yang lebih mampu milik dan praktikal.

"Kerajaan Negeri juga merancang untuk mengenal pasti satu blok khas bagi golongan bujang dengan keluasan sekitar 400 kaki persegi bagi setiap unit satu bilik pada masa akan datang," ujarnya.

Menyentuh mengenai penyediaan pusat upacara *kiringai*, Sundarajoo berkata, Kerajaan Negeri sedang mengambil langkah berperingkat bagi memastikan kemudahan tersebut dapat diwujudkan di setiap daerah.

"Di Daerah Barat Daya, sebuah kuil sedia ada yang telah lama beroperasi dikenal pasti untuk tujuan tersebut, manakala bagi Daerah Timur Laut pula, kemudahan berkaitan telah tersedia di bawah pengurusan Lembaga Wakaf Hindu dan hanya memerlukan penambahbaikan.

"Di Seberang Perai Tengah, pusat berkaitan telah wujud manakala di Seberang Perai Utara, khususnya di Permatang Tinggi, Kerajaan Negeri telah menyalurkan bantuan dana serta menyerahkan hak milik tanah kepada pihak kuil.

"Bagi Seberang Perai Selatan pula, pusat upacara telah beroperasi walaupun proses penyerahan hak milik tanah masih berjalan," jelasnya lanjut.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri sedang merancang pembinaan SJKT ke-29 di Pulau Pinang.

Menurutnya, sebidang tanah seluas empat ekar di kawasan Bagan Dalam telah dikenal pasti bagi tujuan tersebut.

"Malah, melalui Jawatankuasa Khas Sekolah-Sekolah Tamil Negeri Pulau Pinang, cadangan sedang dikemukakan agar sekolah tersebut bukan sahaja menjadi SJKT ke-29, malah berpotensi menjadi Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Tamil pertama di Malaysia.

"Permohonan berkaitan kini sedang diproses bersama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dan Kementerian Pendidikan (KPM)," katanya.

Asah kreativiti

SEMANGAT kerja berpasukan serta kreativiti luar biasa dalam mengolah bahan terpakai menjadi dekorasi tradisional moden menjadi antara faktor utama kejayaan Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Muda dinobatkan sebagai johan Pertandingan Pelita Upcycle Malam Tujuh Likur anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tahun ini.

Guru SK Kuala Muda, **AZRAWATI ABDULLAH** dan **NORIHA AHMAD** berkata, kemenangan tersebut cukup bermakna memandangkan pertandingan tersebut merupakan penyertaan kedua sekolah berkenaan selepas pernah meraih tempat keempat pada edisi tahun 2024.

Menurut mereka, persiapan bagi pertandingan kali ini dibuat secara kolaboratif melibatkan guru-guru, pentadbir sekolah serta para pelajar.

“Pertandingan ini berlangsung dalam bulan Ramadan, jadi kami mula membuat persiapan seminggu sebelum puasa dengan mengumpulkan bahan-bahan terpakai yang diperlukan.

“Antara bahan yang digunakan dalam projek ini adalah tin terpakai, botol minuman, buku lama dan minyak masak terpakai.

“Malah ada juga warga sekolah yang bermurah hati menyumbang dari segi kewangan bagi menjayakan projek ini,” katanya kepada penulis Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** ketika sesi wawancara khas di SK Kuala Muda pada 20 Mei 2026.

Mengulas mengenai konsep yang diketengahkan, mereka menjelaskan bahawa elemen pelita tradisional yang sinonim dengan bulan Ramadan dan Aidilfitri digabungkan dengan lampu serta lilin berwarna-warni bagi mewujudkan suasana yang lebih

menarik dan meriah.

“Kali ini kami mahu tampil dengan kelainan berbanding penyertaan terdahulu yang lebih memfokuskan pelita buluh semata-mata.

“Kami menggunakan lebih banyak bahan *upcycle*, selain menggabungkan unsur moden dan tradisional dalam persembahan karya,” jelas mereka.

Tambah mereka, antara tarikan unik yang diketengahkan adalah penggunaan tumbuhan semula jadi seperti pokok kekabu bagi menghasilkan pelita kreatif.

“Ramai yang tidak tahu bahawa buah kekabu sebenarnya boleh dijadikan pelita,” ujar mereka.

Selain dekorasi fizikal, SK Kuala Muda turut menampilkan kelainan menerusi penghasilan video kreatif berbentuk drama pendek bertajuk Pelita Tok Wan, berbeza daripada konsep dokumentari yang digunakan sebelum ini.

“Mungkin pendekatan video berbentuk drama pendek ini menjadi salah satu faktor yang membantu kami dipilih sebagai johan,” kata mereka.

Menurut mereka lagi, jika sebelum ini dekorasi lebih tertumpu kepada lukisan bangunan ikonik seperti Jambatan Pulau Pinang, tahun ini pihak sekolah tampil dengan idea lebih tersusun termasuk pembinaan pintu gerbang menggunakan pokok kelapa.

“Karya kami kali ini lebih berfokus dan terancang.

“Dari segi idea kreatif pula diperoleh melalui sesi perbincangan bersama semua guru sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

“Semangat kerja berpasukan inilah yang menjadi kekuatan utama kami,” kata mereka lagi.

Menyentuh mengenai kos projek,



HADIAH kemenangan yang menjadi ganjaran atas kejayaan mereka.

mereka mengakui perbelanjaan agak tinggi terutama bagi pembelian minyak tanah, namun bantuan dan sumbangan warga sekolah berjaya mengurangkan beban kewangan.

Dalam pada itu, mereka turut memuji komitmen para pelajar yang sanggup meluangkan masa selepas waktu persekolahan bagi menyiapkan projek tersebut walaupun berdepan cuaca panas dan menjalani ibadah puasa.

“Ada masanya penggambaran video dilakukan sehingga lewat malam.

“Sepanjang sebulan projek ini berjalan, para pelajar menunjukkan semangat kerjasama yang tinggi dan tidak mudah berputus asa.

“Segala penat lelah itu akhirnya berbaloi apabila sekolah kami diumumkan sebagai juara,” katanya.

Mengulas mengenai manfaat pertandingan, mereka berpandangan bahawa program seumpama itu bukan sahaja dapat mengasah kreativiti murid dan guru, malah membantu membentuk keyakinan diri, semangat kerja berpasukan serta penghargaan terhadap nilai warisan dan amalan kitar semula.

“Dalam video yang dihasilkan, kami turut menerapkan nilai murni seperti menghargai barangan terpakai dan memelihara tradisi memasang pelita menjelang Ramadan dan Aidilfitri.

“Malah, proses penghasilan video yang memerlukan pelajar berlakon dan menghafal skrip turut membantu meningkatkan keyakinan diri mereka,” katanya.

Mengulas lanjut, mereka berkata bahawa penyertaan dalam pertandingan sedemikian turut memberi impak positif terhadap pencapaian murid dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK).

Pada masa sama, mereka merakamkan penghargaan kepada MBSP kerana terus menyediakan ruang kepada sekolah-sekolah untuk

mengetengahkan kreativiti masing-masing menerusi pertandingan tersebut.

“Kami berharap pertandingan seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

“Jika boleh, nilai hadiah kemenangan juga dapat dipertingkatkan memandangkan kos penghasilan projek seperti ini agak tinggi.

“Wang kemenangan yang diterima akan digunakan bagi menambah baik keceriaan sekolah demi keselesaan para pelajar dan guru,” katanya.

Mereka turut menyifatkan kemenangan tersebut sebagai satu lagi pencapaian membanggakan buat SK Kuala Muda.



MUHAMMAD Harraz Aiman Ahmad Hafizun.

Sementara itu, salah seorang pelajar yang terlibat, **MUHAMMAD HARRAZ AIMAN AHMAD HAFIZUN**, 10, meluahkan rasa bangga apabila SK Kuala Muda berjaya menggondol tempat pertama dalam pertandingan tersebut.

• Sambungan di muka 5.



PELITA yang dihasilkan menggunakan bahan *upcycle* melayakkan SK Kuala Muda dinobatkan sebagai johan.

Berani keluar dari zon selesa

BERMULA sekadar menyediakan biskut raya untuk dinikmati bersama keluarga, siapa sangka minat yang dipupuk sejak sekian lama akhirnya menjadi titik permulaan kepada **HAZIAH ISA**, 59, untuk melangkah lebih jauh dalam bidang keusahawanan.

Wanita yang lebih mesra disapa sebagai ‘Kak Za’ itu membuktikan bahawa keberanian untuk keluar daripada zon selesa mampu membuka ruang kepada peluang yang lebih besar, sekali gus menjadikan minatnya sebagai sumber pendapatan yang berterusan.

Bercakap kepada wartawan Buletin Mutiara, **WATAWANATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD**, Kak Za memberitahu bahawa perniagaannya secara serius bermula pada tahun 2010.

“Asalnya memang sudah lama minat buat kuih raya, sampailah tahun 2010 atas dorongan kawan-kawan, saya menceburkan diri dalam perniagaan.

“Tidak lama selepas itu, saya menyertai Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK), di sini saya dikehendaki menyiapkan biskut raya untuk perayaan.

“Dari situlah segala-galanya bermula, daripada usaha kecil kemudian menjadi perniagaan yang berkembang maju,” jelasnya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui pada 8 April lalu.

Bermula dengan tempahan kecil-kecilan, usaha yang dibina sedikit demi sedikit itu akhirnya melahirkan jenama tersendiri, iaitu *Kak Za Cookies*.

Hari ini, produk keluarannya bukan sahaja mendapat sambutan hangat ketika musim perayaan, malah mempunyai pelanggan setia sepanjang tahun, terutamanya bagi biskut makmur yang



HAZIAH Isa turut mengendalikan kelas bagi mereka yang berminat mempelajari teknik pembuatan biskut.

menjadi antara produk paling popular.

“Setiap tahun ramai ejen yang akan mendapatkan biskut-biskut keluaran *Kak Za Cookies* sebelum mereka menjualnya semula.

“Selain daripada biskut makmur, biskut lain yang turut mendapat tempat di hati orang ramai adalah *Almond London*, biskut oat susu dan biskut mazola.

“Biskut-biskut yang mendapat tempahan tinggi ini bukan sahaja untuk hari raya, bahkan keramaian seperti kenduri-kendara, majlis-majlis istimewa termasuk dijadikan sebagai hantaran perkahwinan,” ujarinya lanjut.

Menjelang Ramadan dan Aidilfitri, tumpuan Kak Za beralih sepenuhnya kepada memenuhi permintaan pelanggan yang meningkat dengan ketara.

Dalam tempoh tersebut, beliau

perlu memastikan setiap produk yang dihasilkan mengekalkan kualiti serta rasa yang menjadi kepercayaan pelanggan selama ini.

“Tidak seperti kebanyakan pengeluar berskala kecil, saya memilih untuk tidak menjual biskut saya di kedai runcit, keputusan ini dibuat berdasarkan pengalaman.

“Saya pernah mencuba itu sebelum ini tetapi ada risikonya, jika biskut itu tidak laku, saya terpaksa menanggung kerugian.

“Rata-rata biskut mampu bertahan segar selama kira-kira tiga bulan sahaja, selepas tempoh itu, kualitinya menurun dan kos pembuatan bukanlah murah,” jelasnya.

Mengulas mengenai strategi pemasaran yang diamalkan, Kak Za



HAZIAH Isa.

mengakui kejayaan yang dikecapinya hari ini banyak didorong oleh peranan ejen-ejen yang membantu memperkenalkan produknya kepada pelanggan baharu.

Kebiasaannya, ejen akan mengedarkan sampel biskut kepada bakal pelanggan sebelum tempahan dikumpulkan dan proses pengeluaran dimulakan.

“Saya rasa cara ini lebih baik, mereka bantu memperkenalkan biskut saya, kalau musim-musim perayaan memang tidak menang tangan, tetapi saya bersyukur dan menganggapnya sebagai rezeki.

“Apa yang lebih penting, walaupun permintaan meningkat saban tahun, satu perkara yang saya kekalkan adalah biskut dihasilkan secara buatan tangan tanpa menggunakan mesin.

“Ini secara tidak langsung membuktikan bahawa perusahaan di rumah juga mampu bersaing dan berjaya kalau kita berusaha dan cuba yang terbaik memenuhi cita rasa pelanggan,” katanya menutup bicara.

Pelihara warisan melalui kitar semula

• Sambungan dari muka 4.

Muhammad Harraz Aiman menyifatkan penyertaannya sebagai pengalaman yang amat menyeronokkan dan berharap dapat menyertai lebih banyak program seumpamanya pada masa akan datang.

“Saya amat gembira kerana dipilih untuk menyertai pertandingan ini.

“Walaupun ada kalanya terasa agak mencabar kerana ia dilaksanakan pada bulan puasa, pengalaman ini sangat berharga dan menyeronokkan,” ulasnya ringkas.

Nada sama turut disuarakan oleh **AULIA IZATUNNISA JOHARI**, 11, yang berpendapat penyertaannya dalam pertandingan tersebut berjaya meningkatkan kreativiti serta keyakinan dirinya.

“Saya memang sukakan seni, jadi

pertandingan ini memberikan pengalaman yang sangat menyeronokkan kepada saya,” ujarinya.

Seorang lagi pelajar, **SOFIAZZAHRA MOHD. ROSHIDI**, 11, turut menzahirkan rasa gembira atas kejayaan SK Kuala Muda dalam pertandingan berkenaan.

“Sudah tentu saya berasa amat gembira kerana diberi peluang untuk menyertai pertandingan ini.

“Antara momen yang paling sukar dilupakan adalah proses menghasilkan pelita kerana memerlukan kesabaran serta kreativiti tersendiri.

“Namun begitu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada guru-guru yang telah memberikan kepercayaan kepada saya untuk menyertai pertandingan ini,” katanya.



AULIA Izatunnisa Johari.



SOFIA Azzahra Mohd. Roshidi.

Enggan tunduk kepada kesulitan hidup

SAYA buat perniagaan ini supaya diri saya dihargai, dan saya rasa berjaya dalam bidang yang saya ceburi.”

Ungkapan ringkas itu mungkin kedengaran biasa, namun di sebaliknya tersimpan kisah perjuangan seorang wanita yang tidak pernah tunduk kepada kesukaran hidup.

Bagi **E. ALAMELU**, 57, setiap titis peluh yang dicurahkan sejak hampir dua dekad lalu menjadi saksi kepada pengorbanan seorang ibu tunggal yang bangkit meneruskan kehidupan selepas kehilangan insan tersayang.

Ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** di gerainya di Machang Bubuk pada 15 April lalu, Alamelu mengimbuai detik hitam yang mengubah seluruh perjalanan hidupnya.

Sekitar 18 tahun lalu, beliau kehilangan suami akibat penyakit jantung, sekali gus memaksanya memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga demi membesarkan dua anak yang masih kecil ketika itu.

Bagi kebanyakan orang, kehilangan tersebut mungkin menjadi titik kejatuhan. Namun bagi Alamelu, ia menjadi titik permulaan kepada sebuah perjuangan yang lebih besar.

Demi memastikan dapur terus berasap dan anak-anak mendapat kehidupan yang sempurna, beliau bekerja di sebuah kilang sambil mengambil tempahan makanan secara kecil-kecilan sebelum memulakan syif kerja.

Namun, ujian hidup tidak terhenti di situ.

Ketika pandemik COVID-19 melanda negara, kilang tempat beliau mencari rezeki terpaksa ditutup, menyebabkan beliau kehilangan pekerjaan secara mendadak.

Dalam keadaan serba tidak menentu itu, Alamelu memilih untuk bangkit daripada terus meratapi nasib.

Bermula dengan hanya sebuah meja

Enggan menyerah kalah kepada takdir, Alamelu nekad membuka gerai jualan makanan bungkus secara kecil-kecilan berhampiran kawasan kediamannya.

Bermula dengan hanya sebuah meja sebagai modal perniagaan, siapa sangka air tangannya mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk setempat.

Hari demi hari, pelanggan mula mengenali keenakan masakannya. Dari seorang pelanggan bertambah menjadi ramai, sehingga perniagaan kecil yang dibina itu terus bertahan dan berkembang sehingga ke hari ini.

Rutin harian Alamelu bukanlah sesuatu yang mudah. Seawal jam 5.30 pagi, ketika kebanyakan orang masih lena dibuai mimpi, beliau sudah berada di gerai bagi melayani pelanggan, khususnya pekerja kilang yang memulakan tugas pada awal pagi.

Menunya ringkas tetapi cukup memikat selera. Antaranya ialah idli, nasi lemak, bihun dan teh masala.

Malah, beliau juga sentiasa fleksibel memenuhi permintaan pelanggan termasuk menyediakan putu mayam apabila diperlukan.

Walaupun pendapatan hariannya sekitar RM30 hingga RM40, bagi Alamelu, keberkatan rezeki dan kepuasan pelanggan menjadi sumber motivasi untuk beliau terus bertahan.

Hujan atau panas, gerainya tetap dibuka kerana beliau tidak sanggup melihat makanan yang telah dimasak terbuang begitu sahaja.

Sinar baharu bersama #BizIbuTunggal

Kehidupan Alamelu mula berubah apabila beliau menyertai Projek #BizIbuTunggal, sebuah inisiatif anjuran Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dengan kerjasama Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK).

Melalui projek berimpak tinggi tersebut, Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim dalam satu



E. Alamelu (tiga dari kiri) menerima plakad pengiktirafan berkaitan daripada isteri Yang Dipertua Negeri, Y.M. Toh Puan Raja Noora Ashikin Raja Abdullah, sambil disaksikan oleh isteri kepada Ketua Menteri, Y.A.Bhg. Puan Tan Lean Lee (dua dari kiri), Lim Siew Khim (dua dari kanan), Ong Bee Leng (kiri sekali) dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Baderul Amin Abdul Hamid di Menara Bandaraya, Seberang Perai pada 31 Mac 2026.

sidang media bersama Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Dato' Ong Bee Leng memaklumkan bahawa program berkenaan berjaya mencatatkan jumlah jualan keseluruhan sebanyak RM144,274.50 serta memberi manfaat kepada 127 ibu tunggal di seluruh Pulau Pinang, termasuk Alamelu.

Penyertaan dalam projek tersebut menjadi titik perubahan yang membuka pintu kepada peluang lebih besar.

Beliau mula menerima tempahan korporat dan bermusim, termasuk menyediakan idli sempena Deepavali serta murukku bagi sambutan Tahun Baharu Cina dan Hari Raya Aidilfitri.

Malah, beliau kini mampu menyediakan perkhidmatan catering untuk majlis yang melibatkan sehingga 100 orang tetamu.

Genggam trofi pembakar semangat

Kesungguhan dan ketabahan Alamelu akhirnya mendapat perhatian ramai.

Kemuncak kepada segala usaha dan

pengorbanannya, nama Alamelu telah dicalonkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Kai Loon bagi menerima pengiktirafan sempena Hari Wanita Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang 2026 pada 31 Mac lalu.

Dalam majlis penuh gemilang itu, beliau berjaya merangkul tempat ketiga bagi Kategori Ibu Tunggal, satu pencapaian yang bukan sahaja membanggakan, malah menjadi suntikan semangat untuk terus melangkah ke hadapan.

Biarpun trofi itu mungkin kelihatan kecil pada pandangan sesetengah pihak, namun bagi Alamelu, ia membawa makna yang amat besar.

Trofi tersebut menjadi simbol kepada segala pengorbanan, kesabaran dan kecekalan yang telah ditempuh sepanjang perjalanan hidupnya.

Kini, selepas kedua-dua anaknya selamat mendirikan rumah tangga masing-masing, Alamelu mahu memberikan sepenuh tumpuan kepada usaha mengembangkan lagi perniagaannya.

Beliau juga berharap kisah hidupnya dapat menjadi inspirasi kepada wanita lain agar tidak mudah berputus asa apabila berdepan cabaran. Pesannya kepada golongan wanita di luar sana cukup ringkas tetapi penuh makna.

“Peluang ini buat saya rasa dihargai, dan lebih yakin dengan kebolehan diri.

“Kita kena sentiasa berusaha mencari jalan, jangan sekadar duduk sahaja di rumah,” katanya menutup perbualan dengan senyuman manis yang menggambarkan kepuasan seorang wanita yang berjaya mengubah kesukaran hidup menjadi sebuah kejayaan.



ANTARA pelanggan tetap di gerai E. Alamelu yang terletak berdekatan Jalan Asas Murni di sini.

Agenda kesihatan rakyat dijayakan bersama

GEORGE TOWN - Sebanyak 20 institusi kesihatan kerajaan di Pulau Pinang dan Kedah menerima bantuan peralatan perubatan serta kemudahan kesihatan bernilai RM1 juta menerusi Program Bantuan Peralatan dan Fasiliti Sistem Kesihatan Kerajaan One Hope Charity 2026.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, sumbangan tersebut mencerminkan komitmen berterusan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam membantu memperkukuh sistem kesihatan awam serta memastikan rakyat terus menerima perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan berkesan.

Menurut beliau, inisiatif berkenaan selaras dengan usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membangunkan ekosistem kesihatan yang lebih inklusif, mampan dan mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat.

“Setiap peralatan yang disumbangkan bukan sekadar aset kepada hospital, tetapi pelaburan yang membantu menyelamatkan nyawa, mempercepat rawatan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.

“Saya berharap lebih banyak pihak akan

mencontohi semangat yang ditunjukkan oleh *One Hope Charity & Welfare* (One Hope) agar usaha memperkukuh sistem kesihatan awam dapat terus digerakkan secara bersama,” ujarnya pada majlis penyampaian berkaitan di sini 8 Jun lalu.

Hadir sama, Exco Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Daniel Gooi Zi Sen; Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Dato’ Dr. Fazilah Shaik Allaudin dan Pengarah Kesihatan Negeri Kedah, Dr. Nor’Aishah Abu Bakar.

Turut serta, Pengasas dan Pengerusi One Hope, Dato’ Chua Sui Han; Penasihat One Hope, Dato’ Seri R. Arunasalam; Senator, Dr. R.A. Lingeshwaran; barisan Pengarah Hospital Pulau Pinang dan Kedah serta wakil Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah (PKPD) dan jawatankuasa One Hope.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa pengalaman pandemik COVID-19 membuktikan bahawa sistem kesihatan kukuh bukan lagi satu pilihan, sebaliknya satu keperluan yang perlu diperkasakan secara berterusan.

Sehubungan itu, beliau memberitahu bahawa Kerajaan Negeri telah

memperuntuk RM191.8 juta menerusi Dana Pemerkasaan Kesihatan bagi tempoh 2023 hingga 2030 untuk meningkatkan taraf kemudahan kesihatan awam, termasuk pembangunan semula Hospital Sungai Bakap, pemulihan klinik-klinik desa serta pembangunan *Wellness Hub* yang lebih moden.

“Kelestarian sistem kesihatan yang mampan menuntut pendekatan *whole-of-society*.

“Sinergi antara kerajaan, sektor korporat, institusi kesihatan dan komuniti amat kritikal bagi memastikan agenda kesihatan rakyat dapat dijayakan bersama,” jelasnya.

Sementara itu, Sui Hau memaklumkan bahawa pihaknya akan memberi sokongan berterusan kepada hospital dan institusi kesihatan kerajaan sebagai sebahagian usaha sama memperkukuh sistem kesihatan awam negara.

Tambah beliau, program bantuan tersebut bukan dilaksanakan secara sekali sahaja, sebaliknya telah dijadikan sebahagian daripada peruntukan tahunan tetap pertubuhan berkenaan.

Menjawab pertanyaan pemberita selepas itu, Zi Sen memberitahu bahawa

isu kesesakan di klinik kesihatan dan hospital tidak boleh diselesaikan semata-mata melalui pembinaan fasiliti baharu atau penambahan katil.

“Sebenarnya, penyelesaian kepada kesesakan ini bukan dengan membina lebih banyak fasiliti kesihatan atau menambah katil kerana itu bukan cara penyelesaian, tetapi membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat adalah matlamat utama (bagi mengurangkan kebergantungan kepada perkhidmatan kesihatan),” tegasnya.

Beliau menyatakan bahawa Pulau Pinang kini sedang melaksanakan pelan transformasi kesihatan awam yang menyeluruh melibatkan projek naik taraf kritikal dan pembangunan semula Hospital Sungai Bakap, Hospital Bukit Mertajam serta Hospital Kepala Batas bagi memenuhi keperluan pesakit yang semakin meningkat.

“Selain itu, Kerajaan Negeri turut membangunkan *Wellness Hub* serta menyalurkan pelbagai bantuan langsung menerusi program i-Sejahtera dan inisiatif Persekutuan seperti PeKa B40 bagi memperkasa kesejahteraan rakyat,” ulasnya lanjut.

Perkasa produk agromakanan tempatan

Oleh: **SUNARTI YUSOFF**

Gambar: **SITI NURATIKAH RAHMAT**

KOMTAR - Cawangan baharu Kopiesatu di *Trend Mart & Cafe* dilihat mampu menjadi platform strategik dalam memperluaskan pemasaran produk usahawan tempatan, khususnya dalam sektor agromakanan.

Ketika merasmikan cawangan baharu kafe tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa inisiatif yang dilancarkan di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Keusahawanan itu adalah bertujuan menyediakan ruang pemasaran yang lebih luas dan berkesan kepada usahawan tempatan.

“*Trend Mart & Cafe* diwujudkan

sebagai satu inisiatif untuk menyediakan platform pemasaran lebih luas kepada usahawan tempatan, khususnya bagi produk-produk agro makanan yang kini dipusatkan di sebuah kafe dalam suasana santai dan mesra pelanggan,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian pembukaan cawangan baharu Kopiesatu di *Trend Mart & Cafe* dekat Aras 3, Komtar di sini pada 4 Jun lalu.

Hadir sama, Exco Pembangunan Luar Bandar, Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Keusahawanan, Dato’ Rashidi Zinol; Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato’ Seri Zulkifli Long; Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H’ng Mooi Lye; Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan



ANTARA produk tempatan yang menjadi tumpuan Ketua Menteri ketika mengadakan lawatan ke gerai jualan di *Trend Mart & Cafe* baru-baru ini.



ORANG ramai tidak melepaskan peluang mendapatkan pelbagai jenis sayur-sayuran segar yang ditawarkan pada harga promosi.

(FAMA), Abdul Rashid Bahri dan Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang, Dato’ Zairi Mat Ali.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa konsep yang menggabungkan kedai serbaneka dan kafe itu merupakan pendekatan julung kali diperkenalkan di Komtar bagi memberi nilai tambah kepada pengalaman pelanggan serta memperkukuhkan ekosistem keusahawanan tempatan.

“Selain menawarkan produk di bawah jenama tempatan, premis ini turut menampilkan produk berasaskan biji kopi serta pelbagai produk lain keluaran usahawan kecil tempatan.

“Inisiatif ini sekali gus menjadi platform pemasaran yang membolehkan usahawan memperkenalkan jenama

masing-masing kepada lebih ramai pengguna dan seterusnya meningkatkan jualan produk mereka,” ujarnya.

Pada masa sama, Kon Yeow berharap inisiatif sedemikian dapat terus diperkasakan bagi membantu usahawan tempatan mengembangkan perniagaan, selain menyokong pertumbuhan ekonomi negeri melalui pembangunan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

“Pembukaan cawangan baharu ini turut mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memperkukuh agenda pembangunan keusahawanan serta memperluaskan akses pasaran kepada produk-produk tempatan yang berpotensi tinggi,” jelasnya.

• Sambungan di muka 15.



BIJI buah pala akan dikukus bagi menghasilkan minyak urut dan salap.

Oleh : **MOHD AIZAT SHARIF FISALLUDDIN**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

JIKA menyebut Pulau Pinang, selain laksa dan nasi kandar, buah pala merupakan antara identiti unik yang cukup sinonim dengan negeri ini. Bagi kebanyakan pelancong, buah pala bukan sekadar cenderamata untuk dibawa pulang, malah ia menjadi simbol warisan dan kekayaan hasil bumi yang telah lama berakar dalam sejarah Pulau Pinang.

Buah pala juga tidak hanya dijadikan sebagai kudapan seperti jeruk dan halwa, sebaliknya isinya turut digunakan sebagai ubat-ubatan dan produk kosmetik seperti salap, minyak gosok, losyen serta krim anti selulit.

Di sebalik populariti buah ikonik itu, tersimpan kisah ketabahan seorang warga emas berusia 85 tahun yang masih gigih meneruskan legasi keluarganya dalam industri berkenaan.

Pengasas dan Pengarah Urusan Kilang Buah Pala Ghee Hup, **CHANG KUN MING**, terus menumpahkan bakti demi memastikan warisan yang dibina sejak empat generasi lalu tidak luput ditelan zaman.

Terletak di Balik Pulau, kilang berkenaan bukan sahaja menghasilkan pelbagai produk berasaskan buah pala, malah menjadi destinasi pelancongan

yang memberi peluang kepada pengunjung mengenali dengan lebih dekat keistimewaan buah tersebut.

Menurut Kun Ming, sejarah penglibatan keluarganya dalam industri buah pala bermula sejak nenek moyangnya berhijrah ke Pulau Pinang pada tahun 1953.

“Jika dikenang kembali, nenek moyang saya berhijrah ke pulau ini pada tahun 1953 dan selepas itu, mereka memulakan perniagaan perdagangan buah pala yang kemudiannya menjadi sumber pendapatan utama keluarga.

“Saya pula mula terbabit dalam perniagaan buah pala ini seawal usia 16 tahun dengan membantu bapa saya, Chang Sun Min membeli buah pala daripada penduduk kampung di sekitar kawasan Balik Pulau ini sebelum dijual semula kepada kilang tempatan.

“Walau bagaimanapun, pulangan ketika itu agak terhad dan kami terpaksa mencari peluang baharu bagi meningkatkan pendapatan keluarga,” katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di kilangnya pada 3 Jun lalu.

Menurut beliau, sekitar sedekad kemudian keluarganya mengambil langkah berani dengan menceburi pengeluaran jeruk buah pala secara komersial, ketika industri tersebut masih belum berkembang secara meluas di kawasan itu.

“Pada waktu itu, tidak ramai yang mengusahakan pengeluaran jeruk buah pala secara komersial di kawasan ini.

Warisan buah pala kilang klasik singkap sejarah

“Namun begitu, kami bernasib baik kerana mempunyai hubungan baik dengan pembekal buah yang sentiasa memastikan bekalan buah pala segar mencukupi,” ujarnya.

Keputusan tersebut, beliau memberitahu bahawa menjadi titik perubahan penting kepada perniagaan keluarga. Selepas lebih empat dekad beroperasi, jenama Ghee Hup muncul sebagai antara pengeluar produk buah pala yang terkenal di Balik Pulau dan menjadi tumpuan pelancong tempatan serta antarabangsa.

“Malah ia turut menjadi destinasi pilihan pelancong tempatan serta luar negara yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai buah ikonik Pulau Pinang itu terutama keistimewaan dan manfaat buah pala.

“Antara keistimewaan buah pala adalah hampir keseluruhan bahagiannya boleh dimanfaatkan untuk pelbagai kegunaan seperti isi dan kulit buahnya boleh diproses menjadi jeruk.

“Manakala bijinya dikukus bagi

menghasilkan minyak buah pala yang digunakan secara meluas dalam minyak urut dan salap tradisional,” katanya.

Keunikan buah pala, Kun Ming memberitahu bahawa terletak pada hakikat bahawa hampir tiada bahagiannya yang dibazirkan. Selain isi dan kulit yang diproses menjadi jeruk, kulit buah juga boleh dikeringkan untuk menghasilkan teh, manakala lapisan merah yang menyelaputi biji pala atau dikenali sebagai ‘mace’ merupakan rempah bernilai tinggi dalam industri makanan.

Kun Ming mengakui bahawa perjalanan mengembangkan perniagaan keluarga bukanlah sesuatu yang mudah. Komitmen, minat mendalam dan semangat untuk mempertahankan warisan keluarga menjadi kekuatan yang membolehkannya terus bertahan.

“Sepanjang perjalanan ini, kami melalui pelbagai cabaran dan kesukaran, namun kami tidak pernah berputus asa.

“Hari ini, perniagaan ini masih kukuh

dan saya berbangga kerana tradisi keluarga terus diwarisi,” ulasnya lanjut.

Kini, Kilang Buah Pala Ghee Hup menghasilkan pelbagai produk berasaskan buah pala termasuk jeruk, teh, jem, minyak ubat, salap dan jus buah pala yang menjadi antara produk paling mendapat sambutan.

“Jus buah pala adalah antara produk paling popular kerana rasanya yang menyegarkan selain dipercayai membantu melegakan sakit tekak dan batuk.

“Malah, buah pala sudah sekian lama digunakan dalam amalan kesihatan tradisional bagi membantu membuang angin dalam badan, melancarkan peredaran darah serta menyokong kesihatan jantung.

“Kami menghasilkan pelbagai produk buah pala yang menawarkan banyak manfaat kesihatan kepada pengguna,” katanya.

Selain berfungsi sebagai pusat

pengeluaran, Kilang Buah Pala Ghee Hup turut memainkan peranan sebagai pusat pendidikan yang memperkenalkan keseluruhan proses penghasilan produk buah pala kepada pengunjung, bermula dari kebun sehingga menjadi produk siap.

Bagi ramai pelancong yang melangkah masuk ke Kilang Buah Pala Ghee Hup, pengalaman itu bukan sekadar membeli produk tempatan. Ia merupakan perjalanan menyingkap sejarah, warisan dan kegigihan sebuah keluarga yang telah mengabdikan hidup mereka kepada industri buah pala Pulau Pinang.

Di Pulau Pinang, buah pala bukan sahaja menjadi ramuan penting dalam makanan dan minuman tradisional, malah terus kekal sebagai khazanah warisan negeri yang mencerminkan identiti serta sejarah masyarakat setempat dari satu generasi ke generasi berikutnya.



CHANG Kun Ming.

ACM Boss julang Piala Ketua Menteri

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

SEBERANG JAYA - Pasukan sepak takraw ACM BOSS dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengesahkan status mereka sebagai jaguh serantau apabila berjaya muncul juara Kejohanan Sepak Takraw Serantau Piala Ketua Menteri edisi tahun ini.

